

09 JUN 2001

BSKL-MINGGUAN

BSKL DIJANGKA BERGERAK DALAM JAJARAN KECIL MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Urusniaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka mengalami satu lagi pergerakan kecil minggu depan dengan para penganalisis menyifatkan lantunan semula yang dipamerkan oleh pasaran pada Jumaat lepas kemungkinan tidak akan kekal dalam tempoh jangka pendek.

Prestasi di Wall Street, terutamanya NASDAQ dan "berita-berita domestik yang dianggap penggerak pasaran" pada hujung minggu dijangka akan menentukan pergerakan di BSKL, kata seorang penganalisis.

Penganalisis itu berkata pengumuman pelantikan menteri kewangan baru bagi menggantikan Tun Daim Zainuddin kemungkinan boleh merangsangkan pasaran, terutama dengan timbulnya ura-ura yang mengatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini memangku portfolio berkenaan mungkin berbuat demikian (mengumumkannya) sekembalinya beliau dari Jepun minggu ini.

Perletakan jawatan oleh Daim minggu lepas, selepas dua bulan bercuti menimbulkan ketidak tentuan pasaran dan ini telah menyebabkan harga-harga saham menjadi lemah pada awal urus niaga minggu lepas yang hanya berlangsung selama empat hari. BSKL telah ditutup urus niaga pada hari Isnin bersempena dengan cuti umum Maulud Nabi.

Mulai hari Khamis dan hari berikutnya, harga-harga saham berjaya mengurangi kerugian yang dialami dengan beberapa aktiviti sokongan belian, terutamanya pada saham-saham murah, di samping terdapat pembetulan teknikal.

"Secara teknikalnya, pasaran boleh meneruskan peningkatannya minggu depan memandangkan harga-harga berada dalam situasi "jualan berlebihan".

"Tetapi momentum belian agak lemah kerana sentimen para pelabur masih lagi lesu ekoran keadaan tidak menentu (kelembapan ekonomi) AS yang masih lagi menghantui rantau ini," tambah beliau.

Pada urus niaga minggu ini, penanda aras Indek Komposit meningkat 4.45 mata kepada 575.71, Indeks Emas menokok 1.71 mata kepada 140.21 dan Indeks Perusahaan menambah 3.09 mata kepada 1,149.04.

Jumlah dagangan minggu ini ialah 503.259 juta bernilai RM858.524 juta.

Di papan utama, jumlah dagangan meningkat kepada 477.316 juta saham bernilai RM823.747 juta berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 423.362 juta bernilai RM723.317 juta.

Jumlah dagangan di papan kedua merosot kepada 25.942 juta saham bernilai RM34.778 juta daripada 26.996 juta saham bernilai RM32.212 juta.

Urusniaga di luar pasaran berkurangan kepada 41.278 juta saham bernilai RM59.757 juta daripada 80.497 juta saham bernilai RM277.108 juta.

Untuk bahagian sektoral, produk pengguna menguasai 9.047 juta saham yang diniagakan, produk perusahaan 32.278 juta, pembinaan 23.537 juta, urus niaga/perkhidmatan 107.198 juta, teknologi 5.668 juta, infrastruktur 4.075 juta, kewangan 141.322 juta, perhotelan 1.535 juta, hartanah 30.945 juta, perladangan 12.308 juta, perlombongan 2.000 juta, amanah 51,000, dana tertutup 97,000, pinjaman 15.391 juta dan TSR/Waran 91.864 juta.

Sepuluh saham utama minggu ini ialah Arab-Malaysian Corporation (35.788 juta saham) yang meningkat dua sen kepada 83 sen, United Merchant Group (5.665 juta), naik lima sen kepada RM1.62, Ho Wah Genting-warrants (12.394 juta), turun 16.5 sen kepada 19 sen, Suria Capital Holdings, (6.283 juta) naik empat sen kepada 67 sen, Rashid Hussain-warrants (10.468 juta) menokok satu sen kepada 16 sen, Pan Malayan Industries-warrants (10.328 juta) tidak berubah pada 11 sen, MUI Industries (9.307 juta) meningkat setengah sen

kepada 55 sen, Technology Resources Industries (9.098 million), susut dua sen kepada RM1.74, Berjaya Group-warrants (8.622 juta), tidak berubah pada tujuh sen dan Advance Synergy-warrants (8.499 juta), menambah dua sen kepada 17 sen.

Saham-saham wajaran berat, Telekom melonjak 40 sen kepada RM8.20, Tenaga Nasional naik 15 sen kepada RM8.00 dan Maybank menokok 25 sen kepada RM9.65.

Minggu ini menyaksikan dua penyenaaraan baru, Edaran Digital Systems (Edaran) pada hari Rabu dan Century Logistics Holdings (Century) pada hari Khamis.

Edaran disenaraikan di papan utama dengan catatan diskaun 35 sen daripada harga tawaran RM2.15 sementara Century di papan kedua pada harga tawaran RM1.80.

Edaran mengakhiri minggu ini pada RM2.10 sementara Century pada RM1.40.

Sementara itu, Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automatik Malaysia (MESDAQ) agak lengang minggu ini.

Jumlah dagangannya ialah sekitar 2,000 saham-saham bernilai RM1,400 berbanding dengan 832,200 saham bernilai RM582,540 sebelumnya. Kesemua urusan niaga adalah sumbangan Kotra Industries.

Indeks Komposit Mesdaq ditutup pada 69.83, tidak berubah daripada paras minggu lepas.

Supercomal Technologies mengakhiri minggu urusan niaga pada RM2.50, Intelligent Edge pada RM0.70 dan Kotra Industries pada RM0.70.--BERNAMA

MAD MR AA